



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	22/12/2019	MUKA SURAT	:	5
JABATAN	:	SPAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Gangguan bekalan air di 4 daerah

Kuala Lumpur: Sejumlah 348 kawasan dengan 328,957 akaun pengguna di Wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang akan mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Abdul Halem Mat Som berkata, ini kerana Loji Rawatan Air Sungai Semenyih terpaksa dihenti tugas ekoran insiden pencemaran bau di Sungai Semenyih.

Katanya, pasukan pemantauan sungai terdiri daripada Air Selangor dan Lembaga Urus Air Selangor (Luas) digerakkan mengenal pasti punca pencemaran bau di sepanjang Sungai Semenyih dan anak sungai di sekitar sungai itu.

"Pihak Air Selangor sudah mengaktifkan Pelan Tindakan Kecemasan (ERP) bagi menggiatkan bantuan kepada pelanggan," katanya.